

Ucapan Aluan

**Yang Berbahagia
Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali
Pengerusi,
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

**Sempena
Seminar “Fast Forward with MyCESMM”:
*Adopting Standardisation in Infrastructure Works***

**Dewan Tun Hussein Onn A, PWTC Kuala Lumpur
12 Disember 2017 (Selasa)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku.

1. Saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua peserta seminar “Fast Forward with MyCESMM” yang bertemakan “*Adopting Standardisation in Infrastructure Works*”.
2. Majlis ini lebih bermakna dengan kehadiran **Yang Berhormat Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya**, yang telah sudi meluangkan masa beliau untuk bersama dengan kita pada hari ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat di atas komitmen dan sokongan yang diberikan terhadap inisiatif-inisiatif CIDB serta program-program pembangunan industri pembinaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Seminar pada hari ini merupakan kali keempat sejak 2013 bagi mengalakkan penggunaan kaedah pengukuran standard bagi Senarai Kuantiti (BQ) projek-projek kejuruteraan awam melalui penggunaan “*Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement*”, atau MyCESMM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. CIDB telah melaksanakan beberapa siri seminar dan kursus, serta menjalinkan kerjasama dengan agensi dan organisasi strategik dalam pelaksanaan projek-projek kejuruteraan awam, bagi mempertingkatkan penggunaan MyCESMM di seluruh negara.
5. Sehingga kini, CIDB telah melahirkan 60 jurulatih MyCESMM dari kalangan agensi-agensi teknikal dan 845 pegawai-pegawai daripada semua rakan kolaborasi telah dilatih menggunakan MyCESMM.
6. Antara projek-projek pembinaan yang menggunakan MyCESMM pada tahun 2016 adalah Projek Menaik Taraf Sungai Damansara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Projek "*Package BPT202, Construction and Completion of Earthwork and Other Associated Works for Bus Depot Platform*" oleh Mass Rapid Transit (MRT) dan Projek "*Privatisation of Lebuhraya Persisiran Pantai Barat Section Sebelas*" oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM).
7. Manakala, pada tahun 2017 projek-projek yang menggunakan MyCESMM termasuk Projek Pembinaan Jambatan Menyeberangi Sungai Perak di antara Kampung Seberang Manong ke Pekan Manong oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Projek "*Proposed Sewer Network Rectification at Indah Water Konsortium Sdn Bhd Sewage Treatment Plant*" oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd (IWK), dan juga Projek Pemuliharaan Muara Sungai Besut Daerah Besut Terengganu oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).
8. Ini adalah hanya sebahagian daripada projek-projek pembinaan yang telah mendapat manfaat daripada penggunaan MyCESMM. Sejak 2011, CIDB telah Berjaya melaksanakan kolaborasi dalam penggunaan MyCESMM dengan 19 agensi iaitu, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Kerja Raya Sabah, Jabatan Kerja Raya Sarawak, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM), Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM), The Institution of

Engineers Malaysia (IEM), The Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM), Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Gamuda Berhad, Mass Rapid Transit (MRT), PLUS Malaysia Berhad, Prasana Malaysia Berhad dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

9. Pada hari ini, kita akan melihat tiga lagi agensi dan organisasi strategik yang akan memeterai Memorandum Persefahaman bersama dengan CIDB untuk menggunakan MyCESMM di dalam pelaksanaan projek pembinaan masing-masing. Mereka adalah, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Real Estate and Housing Developers Association (REHDA). Saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan strategik CIDB.

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya**, di atas kehadiran beliau untuk merasmikan majlis kita padahari ini.

11. Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayahh Wassalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#####